

CNS2933

R GB 01-05 00173 BA271

bah

NIKAZIZ DIMINTA KAJI DENGAN TELITI SEBELUM LAKSANA HUKUM HUDUD

Mahathir - Hudud

KOTA KINABALU, 1 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati kerajaan negeri Kelantan, terutama Menteri Besar Haji Nik Aziz Nik Mat, supaya berhati-hati dan mengkaji dengan teliti sebelum melaksanakan hukum hudud di Kelantan.

Perdana Menteri berkata beliau bimbang imej Islam akan tercemar bukan sahaja di dalam negara malah di luar negara jika hukum itu dilaksanakan tanpa kajian yang teliti.

+Tidak semestinya apabila hukum hudud tidak dilaksanakan maka umat Islam tidak lagi Islam. Jika begitu keadaannya, maka 90 peratus daripada umat Islam di dunia ini tidak lagi Islam,+ katanya semasa berucap selepas menunaikan fardhu Jumaat di Masjid Papar kira-kira 50 km dari sini.

Xatanya, cadangan kerajaan Pas untuk melaksanakan hukum hudud sebenarnya mempunyai kepentingan politik iaitu untuk mencabar Umno kononnya Umno tidak mahu hukum hudud dilaksanakan.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan Pas supaya jangan lagi menyalahkan Umno kerana mereka sudah diberi kebebasan untuk melaksanakan hukum tersebut.

-- Lagi.

▼01/05/17-44MST

CNS2934

R GB 01-05 00141. BA272

bah

Mahathir - Hudud & Kota Kinabalu

Perdana Menteri juga bimbang kalau-kalau kerajaan Kelantan tidak dapat berlaku adil kepada semua golongan apabila hukum tersebut dilaksanakan kelak kerana ia mempunyai kepentingan politik.

Beliau juga kluatir sekiranya hakim-hakim yang dilantik untuk melaksanakan hukum hudud turut terpengaruh dengan politik parti sehingga keputusan yang mereka buat akan berbau politik.

Dr Mahathir berkata Islam memberi kelonggaran kepada umatnya dan Pas tidak seharusnya terlalulghairah untuk melaksanakan hukum hudud tanpa mengambil kira keadaan semasa kerana ia mungkin boleh membinasakan umat Islam dan agama.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin agama di Tanjung Aru Beach Resort di sini, Perdana Menteri berkata beliau memberi penjelasan pada pertemuan itu mengenai pentingnya tolarensi agama dan dasar kerajaan tidak akan memaksa mana-mana pihak untuk menukar agama. -- Lagi.

▼01/05/17-48MST

CNS2937

R GB 01-05 00134 BA274

bah

Mahathir - Hudud 3 Kota Xinahalu  
(Ulangan - dengan tambahan paraakhir)

Ketika diminta ulasannya mengenai rusuhan kaum di Los Angeles, Dr Mahathir berkata masyarakat di Amerika terlalu mengutamakan soal persamaan tetapi golongan kulit hitam didiskriminasikan sehingga mereka ketinggalan dan kecewa sehingga berlaku rusuhan.

Tambahnya, kerajaan Malaysia mengenal pasti perbezaan antara kaum yang wujud di negara ini dan berusaha memperbetulkannya.

Mengenai keselamatan rakyat Malaysia yang berada di sana, Perdana Menteri berkata kerajaan sedang memerhatikan perkembangan itu.

Apabila ditanya tentang pendirian Malaysia terhadap kerajaan baru di Afghanistan, beliau berkata Malaysia mahu melihat keadaan di negara itu stabil dan akan mengiktiraf mana-mana kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Perdana Menteri yang tiba disini semalam, kemudiannya berlepas pulang ke Kuala Lumpur. - Bernama.

▼01/05/18-00MST